Jurnal Syariah, Jil. 31, Bil. 2 (2023) 283-288
Print ISSN: 0128-6730
e-ISSN: 0127-1237

Submitted Date: 22 June 2023
Accepted Date: 22 July 2023
Published Date: 31 August 2023

ULASAN BUKU: PERANAN TAKAFUL DALAM MENANGANI RISIKO YANG DIALAMI WANITA

Book Review: The Role of Takaful in Handling Risk Faced by Women

Judul : Peranan Takaful dalam Menangani Risiko yang Dialami Wanita
Penulis : Asmak Ab Rahman, Nor Hanani Ahmad dan Nuurshiraathal Firdaws Abd Rani
Penerbit : Penerbit Universiti Malaya
Tahun : 2022
Halaman : 195 halaman (termasuk indeks)
Pengulas : Ahmad Hidayat Buang[1]



[1] Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, ahidayat@um.edu.my

Buku ini mengandungi lima bab yang menjelaskan dua tema utama iaitu takaful wanita dan pengurusan risiko takaful. Secara khususnya tema mengenai Takaful Wanita dibincangkan dalam bab ketiga dan kelima masing-masing di bawah tajuk "Wanita dan Risiko" dan Penawaran Produk Takaful Wanita di Malaysia". Manakala tema mengenai pengurusan risiko takaful dibincangkan secara khususnya dalam bab pendahuluan dan diikuti sebagai tambahan kepada tema ini dalam dua bab iaitu bab kedua bertajuk "Konsep Takaful Dalam Islam dan bab keempat "Maqasid Syariah dalam Takaful". Apa yang mungkin baharu dalam buku ini ialah perbincangan pengurusan risiko takaful khusus kepada wanita serta percubaan menghuraikan maqasid takaful berkaitan gender. Dalam hubungan ini, penulis membawa beberapa ayat al-Quran dan Hadis, yang memberi tumpuan kepada peranan dan tanggungjawab orang beriman terhadap keluarga, masyarakat dan negara tanpa membezakan antara lelaki dan wanita. Sungguhpun demikian penulis menyatakan terdapat beberapa perbezaan dari segi peranan dan fungsi antara kedua-dua wanita dan lelaki yang dinyatakan secara khusus oleh nas-nas al-Quran dan Hadis. Namun jika melihat secara keseluruhan penulisan buku ini, perbincangan Maqasid Syariah mengenai pengurusan risiko wanita adalah berpunca daripada tuntutan dan perkembangan semasa industri takaful di Malaysia yang dipengaruhi oleh insurans konvensional. Oleh yang demikian penulis nampaknya mengembangkan idea-idea maqasid di dalam Syariah yang sedia ada dengan menghubungkannya dengan ajaran Islam berkaitan dengan wanita. Pun begitu terkadang-kadang sebagaimana yang ditunjukkan di bawah penafsiran ajaran Islam tentang wanita yang digunakan oleh penulis, ianya mungkin kurang sesuai dengan peranan moden wanita Islam masa kini, terutama di Malaysia.

Dengan memberi tumpuan kepada perbezaan peranan antara lelaki dan wanita di dalam Islam, penulis berpandangan terdapat beberapa risiko khusus berkaitan wanita yang wajar diberikan perlindungan oleh takaful. Risiko khusus berkenaan wanita masa kini yang dikenalpasti oleh penulis adalah yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan. Risiko ini berdasarkan kepada teori pengurusan risiko beserta dengan statistik dan data semasa yang berkaitan dengan wanita (bab ketiga, hh.55-70). Seterusnya berdasarkan kepada data-data lapangan terutamanya melalui temubual, penulis membuat analisis secara deskriptif terhadap faktor penawaran produk-produk takaful wanita di Malaysia (bab kelima, hh.126-166). Sebagai tambahan kepada faktor perlindungan wanita, faktor perniagaan iaitu permintaan daripada kalangan pengguna wanita Islam

yang mahukan kepada produk takaful wanita juga memainkan peranan yang penting. Permintaan terhadap produk ini dikaitkan dengan faktor pendidikan dan peluang pekerjaan kaum wanita serta peningkatan kos rawatan hospital yang memerlukan perlindungan daripada takaful. Memandangkan terdapat faktor persaingan dan adaptasi takaful wanita ini daripada insurans konvesional, sewajarnya penulis membentangkan sedikit latarbelakang mengenai insurans konvensional wanita. Jika diamati sebagaimana yang dinyatakan ini, faktor permintaan dan peluang pekerjaan wanita yang mempunyai pendapatan boleh dikatakan punca utama mengapa takaful wanita diperkenalkan. Namun aspek ini tidak diketengahkan secara menyerlah di dalam perbincangan buku ini.

Persoalan teori yang berkaitan pengurusan risiko Islam disokong dengan prinsip *tawakkal* yang berasaskan kepada hadis riwayat Anas bin Mālik dari kumpulan hadis Tirmidhī dan Bayhaqī (h.8). Penggunaan prinsip *tawakkal* adalah sesuai dengan teologi ahli Sunnah yang memberi maksud segala ketentuan adalah milik Allah swt setelah segala usaha-usaha pencegahan telah diambil bagi mengelak kemudaratan. Ini adalah kerana usaha untuk mengelak kemudaratan serta sikap berhati-hati merupakan antara prinsip terpenting *Maqasid Shariah* iaitu *al-Ḍarar Yuzāl* (kemudaratan dihapuskan). Oleh itu konsep atau prinsip pengurusan risiko di dalam takaful mempunyai asas yang kuat di dalam Islam dari kedua-dua aspek teologi atau akidah dan Shariah. Sewajarnya penulis mengembangkan prinsip ini dengan lebih terperinci lagi memandangkan ianya merupakan tema utama buku ini, terutama bagaimana ianya boleh dikaitkan secara spesifik kepada wanita.

Secara umumnya pembaca akan mendapat faedah dan maklumat mengenai takaful, pengurusan risiko dan maqasid melalui pembacaan buku ini. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang mungkin perlu diberi perhatian oleh pembaca terutama oleh mereka yang baru berkecimpung dalam bidang takaful dan kewangan Islam. Penulis menyatakan di halaman 36 bahawa takaful adalah “institusi sosial kedua terpenting dalam masyarakat Islam untuk membasmi kemiskinan” (dipetik dari Sabir Patel (2004). Kenyataan ini perlu disokong dengan data-data yang lebih konkrit serta bukti bagaimana takaful boleh membasmi kemiskinan? Kenyataan ini juga mungkin bercanggah dengan kenyataan penulis di halaman 37 yang menyatakan takaful berfungsi melindungi nilai terhadap risiko kerugian di luar jangkaan (bukan untuk mengurang apatah lagi membasmi kemiskinan!). Semasa membahaskan konsep atau prinsip takaful, penulis membuat perbandingan dengan insurans konvensional. Perkara ini adalah sesuatu yang baik kerana boleh membantu bacaan dan kefahaman

pembaca. Namun kenyataan penulis di halaman 46-47 mungkin perlu kepada penjelasan lanjut kepada perbandingan yang dibuat antara takaful dan insurans terutama kenyataan penulis "konsep tabarru' telah digunakan bagi mengawal bahagian sumbangan". Penjelasan ini penting untuk mengelak kekeliruan. Begitu juga kenyataan penulis di halaman 37 terhadap keperluan peserta mencarum ke tabung derma atau tabarru' adalah konsep yang penting, namun penulis seolah-olah menyatakannya sebagai suatu bentuk tambahan sahaja. Perbandingan antara kontrak takaful dengan insurans juga perlu kepada pemurniaan. Sebagai contoh penulis menyatakan takaful menggunakan kontrak koperasi sedangkan insurans menggunakan akan jual beli (h.48). Sebagaimana yang dimaklumi takaful bukanlah kontrak koperasi dan insurans konvesional bukanlah suatu perjanjian jual beli. Kenyataan ini boleh menimbulkan kekeliruan.

Begitu juga mungkin tidak tepat untuk menyatakan kontrak insurans berasaskan kepada *ribā al-buyū'* (riba dalam transaksi jual beli) kerana insurans bukanlah akad jual beli atau pinjaman (h.50). Ini adalah kerana larangan riba di dalam kontrak insurans adalah kepada penggunaan hasil bayaran premium dalam pelaburan berasaskan faedah. Kedudukan insurans yang sebegini menyebabkan sesetengah sarjana Islam seperti Ali Khafif dan Sanhuri berpendapat akad insurans atau *ta'mīn* itu sah sekiranya tidak disertai pelaburan berasaskan riba kerana tujuannya yang baik bagi menguruskan risiko. Seterusnya dalam hubungan kontrak insurans konvensional adalah tidaklah tepat untuk menyatakan elemen *gharar* yang terdapat dalam kontrak berkenaan adalah sesuatu yang ingin disembunyikan yang boleh menimbulkan ketidakadilan dan penindasan (h.51). Ini adalah kerana larangan *gharar* sebagaimana di dalam larangan perjudian lebih tertumpu kepada ketidakpastian yang menjadi asas kepada fatwa kepada larangan insurans konvensional. Oleh demikian maksud *gharar* di dalam kontrak insurans lebih bermaksud kepada unsur *maysir* yang terdapat perjudian sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran. Tambahan pula punca larangan *gharar* kerana ia boleh membawa kepada pertelingkahan dan pergaduhan. Oleh itu untuk menyatakan *gharar* boleh menyebabkan ketidakadilan dan penindasan pada sesuatu kontrak adalah tidaklah tepat. Kenyataan penulis menyatakan produk takaful keluarga terdiri daripada wakaf juga perlu diperhalusi ketepatannya (h.52). Ini adalah kerana setakat yang dimaklumi di Malaysia hanya ada tiga model takaful iaitu *wakalah*, *mudarabah* dan hybrid antara kedua-duanya.

Semasa membahas konsep maqasid mengikut pandangan ulama Islam, terdapat unsur *anchronism* seperti Imam Ghazālī (450-505H/1058-1111M) merujuk perkataan Imam Shāṭibī (720-790H/1320-1388M) (h.74).

Sebagaimana yang dimaklumi Imam Ghazālī meninggal lebih awal daripada Imam Shāṭibī. Penjelasan takaful sebagai *maqāṣid khasṣah* atas justifikasi ia berkaitan dengan displin ilmu yang khusus perlu diulas lebih lanjut bagaimana ianya dianggap sedemikian (h.83). Ini adalah kerana semacam ada kontradiksi terhadap kenyataan penulis yang menyatakan prinsip *maqāṣid* (*khasṣah*) takaful adalah sokongan terhadap konsep persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama (h.83). Persoalannya apakah ketiga-tiga konsep ini bermaksud *maqāṣid khasṣah* juga? Jika begitu bagaimana konsep ini dikaitkan dengan *maqāṣid 'ammah* yang dirumuskan dalam *Usūl al-Khamsah* teori Maqasid? Sebagaimana yang difahami ketiga-tiga konsep ini merupakan prinsip umum Syariah (*mabādī' 'ammah*).

Penulis cuba untuk mengaitkan antara hukum *diyyat* (bayaran pampasan kes bunuh) dalam kesalahan qisas dengan maqasid perlindungan maruah (h.86). Sungguhpun kedua-duanya mempunyai hubungan namun terdapat perbezaan antara konsep *kafalah* atau tanggungan jenayah waris-waris pelaku jenayah bunuh dalam hukum *diyyah* dengan kesalahan yang melibatkan maruah seorang muslim yang lain di dalam hukum *qazf*. Penulis hanya perlu menyatakan tanggungjawab jenayah secara kolektif dalam hukum *diyyah 'aqīlah* (bayaran pampasan kes bunuh oleh waris lelaki atau orang yang dilindungi) atau *qasama* (sumpah berkumpulan melepaskan diri dari dakwaan pembunuhan) di atas dasar jamin menjamin berasaskan persaudaran serta bantu membantu serta tidak perlu mengaitkannya dengan maqasid perlindungan maruah. Kemungkinan penulis cuba untuk mengaitkan takaful menjaga maqasid kehormatan seseorang dengan hukum jinayah *diyyah*. Namun percubaan ini boleh menimbulkan persoalan dan keraguan melainkan jika penulis dapat menjelaskannya secara terperinci perkaitannya. Adalah lebih baik jika penulis membahaskan secara bersendirian maqasid ini dalam hubungannya mengurus risiko takaful wanita.

Terdapat beberapa kenyataan oleh penulis yang mungkin boleh dianggap sebagai tidak sensitif gender seperti di halaman 138 iaitu dengan menyatakan: "Selain itu, golongan wanita merupakan golongan yang lebih cepat panik, beremosi dan trauma berbanding lelaki apabila menghadapi suatu musibah atau berada dalam situasi yang di luar jangkaan". Begitu juga di halaman 140 "Kebanyakan kes keganasan yang berlaku kepada golongan wanita adalah disebabkan oleh faktor gender. Ini kerana wanita disifatkan sebagai lebih beremosi, mudah mengalah dan tidak suka keganasan berbanding dengan golongan lelaki yang sentiasa berada di tahap tinggi"(?). Kenyataan sebegini perlu dielakkan. Namun jika penulis

merasakan ianya perlu dinyatakan mereka perlu membuat ulasan lanjut. Namun penulis nampaknya seperti mendukung penuh pandangan ini dengan membuat kesimpulan di halaman 168 dengan menyatakan "Tambahan, terlibatan wanita dalam perindustrian atau bidang pekerjaan mendorong wanita turut terdedah dengan kepelbagaian risiko di luar jangkaan. Wanita juga yang mempunyai sistem struktur tubuh yang berbeza dan lemah fizikal berbanding lelaki memerlukan perlindungan khusus terutamanya berkaitan kesihatan wanita (juga di halaman 171). Perkara ini penting kerana sebagaimana yang dinyatakan di atas kerana jika ini adalah justifikasi yang digunakan bagi menyokong teori pengurusan risiko wanita, ianya bukanlah sesuatu yang sesuai dalam konteks peranan wanita dalam masyarakat Islam kini.

Namun secara keseluruhannya buku ini percubaan yang baik untuk menganalisis takaful wanita terutama melalui data-data yang dikumpulkan melalui temubual. Ianya juga mengandungi beberapa maklumat asas mengenai takaful dan juga pengurusan risiko yang berguna kepada mereka yang ingin mendapatkan maklumat awalan.